

HUBUNGAN ANTARA AMALAN *LESSON STUDY* DENGAN KEBERKESANAN PENGAJARAN GURU

FANIDAWARTI HAMZAH¹ & ABDUL HAKIM ABDULLAH²

¹⁻² Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia

Corresponding authors: fanidawarti.hamzah@gmail.com & hakimabd@unisza.edu.my

Received: 12 August 2022

Accepted: 27 August 2022

Published: 06 September 2022

Abstrak: *Lesson Study* merupakan suatu program pembangunan guru yang berterusan dan menggalakkan guru bekerja secara kolaboratif. Program ini melibatkan sokongan rakan sekerja serta amalan reflektif yang dilihat berpotensi untuk mengubah amalan pengajaran guru dan meningkatkan pembelajaran murid. Guru yang mengamalkan *Lesson Study* memberi pandangan dan kesan positif ke atas amalan pengajaran dan pembelajaran. Kajian yang berbentuk kajian kes ini melibatkan 36 orang guru di sebuah sekolah di daerah Kuala Terengganu yang melaksanakan *Lesson Study* sebagai program pembangunan profesional. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan pengumpulan data melalui soal selidik bagi mengkaji keberkesanan pengajaran mereka dengan amalan *Lesson Study*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru yang mengamalkan *Lesson Study* dalam pengajaran memberi kesan yang besar dengan meningkatkan keupayaan mereka untuk memadamkan strategi pengajaran dengan keperluan pembelajaran murid. Keputusan juga menunjukkan bahawa amalan *Lesson Study* meningkatkan keyakinan pengajaran dan mempunyai faedah secara langsung untuk belajar melalui kerjasama dalam kalangan murid.

Kata Kunci: *Lesson Study*, Amalan Pengajaran, Keberkesanan pengajaran

Cite this article: Fanidawarti Hamzah & Abdul Hakim Abdullah. (2022). Hubungan antara amalan *lesson study* dengan keberkesanan pengajaran guru. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, 2(3), 342-353.

PENDAHULUAN

Kualiti pendidikan sentiasa dipertingkatkan dari masa ke masa. Dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa menyemak untuk memastikan kurikulum di Malaysia adalah sesuai dengan kehendak semasa. Pendidikan yang berkualiti dan cemerlang menjadi matlamat utama dalam usaha melahirkan generasi alaf baru yang mampu menangani cabaran akan datang. Justeru, pelbagai dasar, polisi dan transformasi pendidikan dirangka dan dilaksanakan bertujuan untuk memantapkan proses dan pengendalian pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Bagi mentransformasikan sesuatu budaya yang kompleks dalam pengajaran memerlukan usaha semua pihak termasuk guru, murid, ibu bapa, dan ahli politik (Stigler dan Hiebert, 2016). Setiap guru harus menjadi daya penggerak utama disebalik

transformasi yang direncanakan untuk memastikan sistem pendidikan negara Malaysia dapat menyediakan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada generasi masa kini bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran negara.

Pernyataan Masalah

Keberkesanan pengajaran guru sering menjadi isu dan sering menjadi topik perbincangan yang hangat apabila masyarakat memperkatakan tentang prestasi pencapaian murid di sekolah. Aspek pengajaran guru sememangnya menjadi tunjang utama dan amat penting ditekankan dalam menangani isu pembelajaran murid pada hari ini.

Beberapa masalah masih menjadi isu sehingga ke hari ini. Antaranya ialah masalah kekangan masa untuk melaksanakan perkara yang direncanakan, bebanan guru kian bertambah dan tahap pengetahuan kandungan pedagogi guru yang rendah membataskannya untuk berjalan dengan lancar dan membuahkan hasil yang diinginkan (Othman & Omar, 2014; Mazlan, 2017; Ogegbo, Gaigher, & Salagaram, 2019).

Keberkesanan pengajaran guru adalah usaha dalam menarik minat dan perhatian murid untuk belajar (Rohani, Hazri & Nordin, 2010). Usaha mencapai keberhasilan dalam pembelajaran pelajar adalah suatu proses yang perlu dilakukan oleh guru bagi menghasilkan keberkesanan pengajaran di dalam kelas (Mohammed Sani, 2017). Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM, 2010), menggariskan guru perlu mempunyai penguasaan dalam merancang pengajaran, melaksanakan pengajaran, mengurus bilik darjah dan memiliki perwatakan guru. Penguasaan guru dalam pengajaran akan menghasilkan keberkesanan dalam pengajaran.

Lesson Study merupakan satu kaedah yang penting dalam Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) yang mampu menganalisis keberkesanan pelaksanaan pengajaran di sekolah (Sucheera, 2018). *Lesson Study* dilihat dapat memberikan banyak perubahan positif dalam pengajaran guru dan pembelajaran murid (Ozdemir, 2019). Dengan mengamalkan *Lesson Study* di sekolah, guru-guru dapat mengenal pasti tahap kelemahan dan kekuatan dan aktiviti pengajaran PdPc serta mampu meningkatkan pengetahuan pedagoginya. Pemimpin di setiap sekolah juga disarankan mengamalkan amalan *Lesson Study* dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran yang mampu memberi kesan terhadap pembelajaran murid (Kathryn McSweeney & John Gardner, 2018).

Soalan Kajian

Soalan kajian ini adalah:

- i. Apakah tahap amalan *Lesson Study* di sekolah yang mengamalkannya di bawah program KPP?
- ii. Apakah tahap keberkesanan pengajaran guru yang terlibat dengan amalan *Lesson Study* di bawah program KPP?
- iii. Adakah terdapat hubungan antara amalan *Lesson Study* dengan keberkesanan pengajaran guru?

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah:

- i. Mengenal pasti tahap amalan *Lesson Study* di sekolah yang mengamalkannya di bawah program KPP.
- ii. Mengenal pasti tahap keberkesanan pengajaran guru yang terlibat dengan amalan *Lesson Study* di bawah program KPP,
- iii. Mengenal pasti hubungan antara amalan *Lesson Study* dengan keberkesanan pengajaran.

SOROTAN KAJIAN

Lesson Study

Lesson Study adalah satu pendekatan dalam pembangunan profesional yang berpusatkan kerjasama dan refleksi (Lewis, 2002; Murata, 2011). Ia melibatkan sekumpulan kecil guru yang bekerjasama secara kolaboratif berdasarkan empat peringkat utama iaitu:

- mengenal pasti masalah pembelajaran dan membentuk matlamat untuk pembelajaran murid;
- menyediakan rancangan pengajaran bagi topik yang hendak disampaikan kepada murid di dalam kelas (lesson plan);
- mengajar murid dengan menggunakan rancangan pengajaran yang telah dibina bersama-sama pasukan sambil diperhatikan oleh sekumpulan guru dan penyelidik;
- membuat refleksi tentang aspek pembelajaran murid yang diperhatikan oleh pasukan (Richit & Ponte, 2019).

Sepanjang proses ini, guru secara kolaboratif dan reflektif mencapai artikulasi antara teori dan amalan, dengan itu ia membentuk sifat profesionalisme pengajaran baharu dalam pendidikan (Richit, 2020). Apabila merumuskan objektif untuk pembelajaran dan perkembangan murid, topik atau tema dipilih untuk diterokai dengan lebih lanjut dalam amalan *Lesson Study* dan kesukaran utama murid dalam topik tersebut dianalisis.

Dalam peringkat perancangan, kajian terhadap topik yang akan diajar dijalankan dan rancangan pengajaran disediakan dengan teliti untuk mencapai objektif yang ditetapkan dengan mengambil kira kesukaran dan masalah murid yang sering dihadapi di dalam topik itu.

Seterusnya guru mengajar dengan menggunakan rancangan pengajaran yang telah dibina bersama-sama pasukan kepada murid di dalam kelas. Pemerhati iaitu guru-guru lain akan mengumpul maklumat tentang tindakan murid semasa di dalam kelas melalui nota atau rakaman audio atau video.

Dalam peringkat refleksi, aspek yang diperhatikan dan direkodkan semasa pengajaran berkaitan pembelajaran dan perkembangan murid dianalisis dan dibincangkan dengan teliti. Ia memberi peluang kepada guru memahami pembelajaran, kesukaran dan proses penaaakulan murid. Berdasarkan ciri-ciri ini, pelajaran boleh diperbaiki (Richit, Ponte & Tomkelski, 2019).

Selain daripada kerjasama yang ditonjolkan, banyak kajian telah mencadangkan bahawa amalan *Lesson Study* membolehkan guru-guru bekerja secara kolaboratif dan mengalami amalan

baharu di dalam bilik darjah (Ponte et al., 2016; Richit & Ponte, 2020). Ia juga membolehkan guru dalam mencipta amalan profesional untuk membangunkan kerja secara kolaboratif melalui perkongsian objektif, perbincangan idea dan bersama-sama membangunkan sumber pengajaran (Burroughs & Luebeck, 2010). Selain itu, ia memberi peluang kepada guru-guru untuk mengatasi individualisme profesional yang lazim dalam kehidupan seharian guru, bersikap silo serta memupuk peluang untuk mengalami pengalaman yang berbeza bagi menghasilkan amalan kolaboratif pembelajaran profesional (Richit & Tomkelski, 2020). Di samping itu, Ponte et al. (2016) menegaskan bahawa disebabkan ciri-ciri kolaboratif yang ada di dalam amalan *Lesson Study* itu sendiri, ia menggalakkan proses komunikasi dalam kalangan guru-guru dan refleksi amalan profesional. Dengan itu, amalan ini dilihat sebagai saluran penting untuk mempromosikan amalan pembangunan profesional setiap guru.

Peringkat refleksi pula menurut Lee (2008), adalah peringkat perkembangan konsep pengajaran yang lebih tinggi dalam proses pembelajaran. Lee (2008) menjelaskan bahawa refleksi mungkin mendedahkan diri guru-guru kepada tiga peringkat. Peringkat pertama tahap refleksi ialah “mengingat kembali” yang merujuk kepada cara sesuatu masalah atau situasi diterangkan dan ditafsirkan, tanpa mencari penjelasan alternatif. Peringkat refleksi kedua ialah “rasionalisasi”, iaitu masalah atau situasi ditafsir dan ditakul dan peringkat ketiga merujuk kepada ‘reflektif’, iaitu menangani sendiri pengalaman daripada perspektif perubahan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pemikiran reflektif boleh dibezakan dari peringkat terendah hingga tertinggi yang melibatkan proses pemikiran yang lebih mendalam tentang tafsiran sesuatu masalah, serta keupayaan untuk menyoal dan meneroka penakulan dan mencari alternatif bagi masalah yang berbeza (Lee, 2008).

Satu hasil kajian yang dijalankan di Singapura oleh Christina, Lee, Christine, Saito, Eisuke, Syed Haron dan Sharifa (2011) mendapati bahawa sistem pendidikan di Singapura telah dibanjiri dengan pembaharuan inisiatif. Kajian ini menunjukkan betapa pentingnya pembangunan profesional guru dalam rangka untuk perubahan yang berkesan dalam pengajaran berlaku.

Pembangunan profesional merupakan komponen utama dalam meningkatkan pendidikan, menekankan pentingnya memberi tumpuan kepada pengajaran, yang melibatkan kesedaran tentang rutin budaya yang mengatur suasana bilik darjah, mempersoalkan andaian yang menjadi asas rutin ini, dan bekerja untuk meningkatkan rutin dari masa ke masa. Justeru, amalan *Lesson Study* dapat menggalakkan sikap kerjasama guru-guru dan menyokong antara satu sama lain, pada masa yang sama dapat melihat pelbagai amalan yang boleh mengembangkan pengetahuan mereka dan menilai semula kepercayaan dan watak profesional mereka.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk deskriptif dan inferensi yang menggunakan kaedah kuantitatif. Data deskriptif dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 22 bagi mendapatkan nilai peratus dan min. Bagi data inferensi pula dianalisis dengan menggunakan ujian Kolerasi Pearson.

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Persampelan bertujuan atau purposive sampling merujuk kepada prosedur persampelan iaitu sekumpulan guru

yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja dipilih sebagai responden kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan pengkaji.

Bagi keperluan kajian, seramai 36 responden dipilih daripada 55 orang guru yang menjawab soalan soal selidik sebagai sampel kajian mengikut keperluan kajian iaitu responden yang pernah mengikuti mana-mana kursus atau taklimat tentang *Lesson Study* dan mengamalkannya di sekolah.

Instrumen yang disediakan merupakan satu set item yang diadaptasi daripada kajian Julie (2011) setelah memohon kebenaran daripada beliau. Pemilihan ini dilakukan kerana soal selidik ini mampu menjawab soalan-soalan kajian yang dikemukakan.

DAPATAN KAJIAN

Soalan 1: Apakah tahap amalan *Lesson Study* di sekolah yang mengamalkannya di bawah program KPP?

Jadual 1: Tahap amalan *Lesson Study*

	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Penilaian terhadap amalan kolaborasi	4.10	.33	Tinggi
Penilaian terhadap berpusatkan murid	4.01	.36	Tinggi
Penilaian terhadap berfokuskan kandungan	3.73	.32	Sederhana tinggi
Penilaian terhadap refleksi	4.15	.32	Tinggi
Min keseluruhan	4.07	.29	Tinggi

Berdasarkan jadual di atas, hasil ujian deskriptif mendapati tahap amalan *Lesson Study* di sekolah yang mengamalkannya di bawah program KPP secara keseluruhannya adalah tinggi ($M=4.07$, $SP=0.29$). Kesemua konstruk turut berada pada tahap yang tinggi kecuali konstruk penilaian terhadap berfokuskan kandungan berada pada tahap sederhana tinggi ($M=3.73$, $SP=0.32$). Konstruk yang paling tinggi adalah penilaian terhadap refleksi ($M=4.15$, $SP=0.32$).

Soalan 2: Apakah tahap keberkesanan pengajaran guru yang terlibat dengan amalan *Lesson Study* di bawah program KPP?

Jadual 2: Tahap keberkesanan pengajaran guru

	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Penilaian pembelajaran murid	4.08	.29	Tinggi
Penilaian hasil kerja murid	4.08	.29	Tinggi
Penilaian strategi pengajaran	4.03	.31	Tinggi
Penilaian keyakinan	4.23	.34	Tinggi
Min keseluruhan	4.11	.22	Tinggi

Berdasarkan jadual di atas, hasil ujian deskriptif bagi tahap keberkesanan pengajaran guru mendapati secara keseluruhannya adalah tinggi ($M=4.11$, $SP=0.22$). Kesemua konstruk turut berada pada tahap yang tinggi. Konstruk yang paling tinggi adalah penilaian keyakinan ($M=4.23$,

SP=0.34) manakala konstruk yang paling rendah adalah adalah penilaian strategi pengajaran (M=4.03, SP=0.31).

Soalan 3: Adakah terdapat hubungan antara amalan *Lesson Study* dengan keberkesanan pengajaran guru?

Jadual 3: Korelasi Pearson antara amalan *Lesson Study* terhadap keberkesanan pengajaran guru

	Keberkesanan pengajaran
Amalan <i>Lesson Study</i>	.77**

**p<.01, *p < .05 (2-ekor)

Berdasarkan jadual di atas, dapatan daripada ujian Korelasi Pearson menunjukkan tahap keberkesanan pengajaran mempunyai hubungan yang signifikan ($r = .77$, $p < .05$) dengan amalan *Lesson Study*. Hubungan positif ini menunjukkan tahap keberkesanan pengajaran yang tinggi mempunyai amalan *Lesson Study* tinggi manakala tahap keberkesanan pengajaran yang rendah mempunyai amalan *Lesson Study* yang rendah berdasarkan jadual saiz kolerasi menurut Chua (2006). Tahap keberkesanan pengajaran dan amalan *Lesson Study* mempunyai kekuatan hubungan yang tinggi. ($r = .77$)

Perbincangan

Tahap Amalan *Lesson Study*

Keputusan kajian ini menunjukkan penilaian terhadap refleksi telah memberi kesan yang terbesar terhadap pengajaran dan pembelajaran murid mereka. Penarafan lebih tinggi yang diberi berdasarkan skala Likert bagi kenyataan 'Menjadikan saya berasa lebih dihargai sebagai seorang guru'. 100.00% responden bersetuju dengan soalan ini. Guru-guru yang cenderung melibatkan diri dalam *Lesson Study* juga cenderung sudah refleksi tentang amalan mereka dan oleh itu mereka tidak mengalami perubahan yang besar dalam mengamalkan *Lesson Study*. Tambahan item kajian tentang amalan sebelum bermula *Lesson Study* diperlukan untuk menilai lagi teori ini.

Melalui refleksi, guru yang berpengalaman dapat mengenal pasti kesilapan dan dapat berbincang dengan guru-guru yang lain. Brodie (2014) menegaskan terdapat empat aspek penting yang terkandung dalam PLC, iaitu inkuiri, kesepakatan, keselamatan dan cabaran. Inkuiri merujuk kepada data atau maklumat yang boleh diperolehi dari bilik darjah tentang pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan dengan keperluan murid. Kesepakatan merujuk kepada guru-guru bersepakat untuk memajukan dan mengubah cara pengajaran demi untuk membekalkan murid-muridnya satu pembelajaran yang lebih bermakna. Keselamatan menunjukkan guru-guru berasa selamat untuk mengakui tentang kelemahan pengajaran mereka semasa dalam perbincangan *Lesson Study* dan akhirnya cabaran yang menunjukkan guru-guru sanggup untuk mengubahsuai strategi pengajaran dan pembelajaran mereka demi untuk menggalakkan pemikiran dan pembelajaran yang lebih baik untuk murid-muridnya.

Penilaian terhadap amalan kolaborasi juga memberi kesan yang besar terhadap pengajaran. Penyelidik mendapati bahawa sifat kerjasama memberi kebaikan ke atas pengajaran guru melalui perkongsian idea, bekerja bersama-sama dalam mengharungi cabaran, dan membina keyakinan mereka sebagai guru. Kerjasama yang tinggi akan merebak di luar pasukan *Lesson Study* kepada komuniti pembelajaran iaitu antara guru sesama guru dan juga di dalam bilik darjah dalam kalangan murid dan antara guru dan murid. Amalan guru yang suka mengamalkan amalan berkolaborasi dan berkongsi maklumat dalam kalangan mereka sehingga mewujudkan hubungan yang jelek. Kejelekitan dalam kalangan guru telah menjadikan sesebuah sekolah itu cemerlang, gemilang, dan terbilang (Zuraidah, 2016).

Guru bersama-sama berusaha ke arah matlamat yang perlu dicapai. Usaha dimanifestasikan melalui kolaborasi itu membawa kepada pembangunan kerja yang efektif serta membina asas kolaborasi yang kukuh. Oleh itu, kolaborasi adalah kunci kepada kejayaan *Lesson Study* dan boleh dipersoalkan jika beberapa komponen *Lesson Study* yang lain boleh berkembang tanpa asas kolaborasi yang kukuh.

Amalan *Lesson Study* membantu guru-guru berpengalaman serta tidak berpengalaman untuk belajar kerana melalui proses perancangan bersama, pemerhatian bersama dan analisis bersama, kita dapat melihat aspek pembelajaran murid melalui pandangan orang lain dan juga kita sendiri dan kita bandingkan pembelajaran sebenar diperhatikan dalam *Lesson Study* dengan pembelajaran kita. Hal ini telah membuktikan lagi pandangan daripada Chokshi dan Fernandez, (2004) yang mendapati dengan bekerja bersama-sama, guru-guru membina pengetahuan mereka sendiri dan mengintegrasikan dengan orang lain untuk membina pengetahuan yang lebih menyeluruh.

Konstruk amalan *Lesson Study* berpusatkan murid juga mempunyai tahap yang tinggi. Komponen berpusatkan murid bagi *Lesson Study* berkesan apabila mereka ditanya mengenai kesan mengamalkan *Lesson Study* dalam perancangan pengajaran. Guru-guru akan berfikir lebih mendalam tentang murid semasa membuat perancangan pengajaran dan memberi tumpuan yang lebih terhadap matlamat yang telah ditetapkan untuk murid semasa mengajar. Dengan cara ini sesi pengajaran guru di dalam bilik darjah menjurus ke arah berpusatkan murid.

Penilaian terhadap fokus kandungan *Lesson Study* juga memberi kesan kepada pengajaran murid. Tindak balas bagi pernyataan ‘Telah mendalami pengetahuan kandungan mata pelajaran yang saya ajar’ respons yang mendapat skor tinggi ($M = 4.14$). Namun begitu, terdapat dua item menunjukkan tahap yang sederhana tinggi ($M = 3.42$ dan 3.86) dalam penilaian terhadap fokus kandungan iaitu mengenal pasti dan mengakui jurang dalam pengetahuan kandungan guru dan meluahkan sebarang kekurangan dalam pengetahuan kandungan kepada rakan sepasukan *Lesson Study*. Pengetahuan kandungan guru memainkan peranan yang besar dalam proses kajian pembelajaran. Menurut Ma’rufi dan Ilyas (2019), pengetahuan kandungan guru sangat penting bagi menjayakan proses pembelajaran murid serta mengekalkan minat mereka terhadap pengajaran guru. Kekurangan dalam aspek ini akan mempengaruhi pembelajaran dan prestasi pelajar. Sebagai contoh dalam kajian Ogegbo, Gaigher, dan Salagaram (2019), kesalahan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran tidak diketengahkan ketika sesi refleksi dan menunjukkan bahawa terdapat isu pemahaman guru dalam konsep pengajaran. Dalam

fenomena ini, ahli yang lain tidak dapat memberi sokongan untuk menambah baik pemahaman dan pengajaran kerana kekurangan pengetahuan kandungan yang menyebabkan mereka tidak sedar kesalahan yang dilakukan oleh ahli kumpulan. Lantaran itu, pengetahuan kandungan ini begitu penting untuk meningkatkan pencapaian pelajar dan mengelakkan daripada wujudnya kesalahfahaman dalam konsep (misconception). Walaupun kajian pembelajaran membantu meningkatkan pengetahuan kandungan, ia adalah hasil usaha guru untuk meningkatkan pengetahuan kandungan mereka menerusi proses kajian pembelajaran dan memahami tahap pengetahuan pelajar (Nuha, Waluya & Junaedi, 2018). Semakin banyak guru melalui refleksi dengan kritikal, pengetahuan kandungan mereka bertambah baik (Boz & Belge Can, 2020). Terdapat juga isu guru kurang berpengetahuan dalam kajian pembelajaran iaitu tidak mahir dalam teknik mengajar, kurang berpengetahuan dalam membuat rancangan pengajaran, mempunyai masalah dalam pendekatan kaedah pengajaran, dan kemahiran menguruskan masa (Bozkurt & Yetkin-Özdemir, 2018; Thephavongsa, 2018). Dalam isu ini, pakar atau knowledgeable others adalah penting dalam amalan *Lesson Study* untuk memberi tunjuk ajar serta berkongsi pengetahuan bersama guru-guru supaya dapat memberi input pembelajaran yang betul (Lucenario et al., 2016).

Cabaran seorang guru adalah kurikulum pendidikan kita sentiasa disemak dan bertukar seiring dengan kehendak semasa. Jika guru-guru tidak mengambil cakna dengan perubahan kurikulum, mana mungkin mereka dapat mengekalkan tahap pengetahuan kandungan dengan baik. Walaupun ada sumber menyatakan bahawa pedagogi guru sangat bagus kerana guru-guru sudahpun melalui pembelajaran di institusi pendidikan selama empat hingga 5 tahun. Namun, jurang dalam pengetahuan kandungan menyebabkan keberkesanan pengajaran guru masih berada pada tahap yang kurang memuaskan.

Justeru, amalan *Lesson Study* ini selari dengan kehendak KPM yang ingin menghasilkan guru-guru di Malaysia sentiasa produktif, profesional dan seterusnya meningkatkan keberkesanan pengajaran guru di dalam kelas.

Tahap Keberkesanan Pengajaran Guru Yang Terlibat dengan Amalan *Lesson Study*

Hasil kajian menunjukkan bahawa *Lesson Study* telah membawa kepada perubahan dalam pengajaran mereka dan cara mereka berfikir tentang merancang murid. Sebagai tindak balas kepada kajian ini, semua item yang disoal memberi skor min yang tinggi. Konstruk peningkatan keyakinan mempunyai tahap yang tertinggi dengan skor min adalah 4.23 dan sebagai satu manfaat dari *Lesson Study*. Kesan ke atas keyakinan guru terbukti dengan penilaian yang paling tinggi bagi item kajian.

Lebih separuh daripada responden dalam kajian ini menunjukkan bahawa amalan *Lesson Study* telah meningkatkan kesedaran mereka terhadap pembelajaran murid. Peningkatan kesedaran dalam pembelajaran murid, khususnya ketika guru-guru menonton reaksi semasa mengajar dan menyedari interaksi murid. Dengan menyesuaikan diri bagaimana murid memproses maklumat dan bagaimana mereka belajar sering menyebabkan perubahan terhadap cara guru mengajar.

Dapatan daripada kajian ini dan juga kajian lepas menunjukkan bahawa guru bekerja bersama-sama dengan guru-guru lain memberi bermanfaat dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran. Tindak balas oleh responden kajian, *Lesson Study* membawa guru-guru untuk bersama-sama bekerja ke arah pemahaman yang lebih baik tentang bagaimana murid belajar, bagaimana untuk menilai pembelajaran dan bagaimana untuk mengajar dengan cara yang berkesan bagi pembelajaran murid. Dapatan ini juga menyokong lagi kajian oleh Bandura (1993), Riggs dan Enochs, (1990) dan Tschannen-Moran dan Hoy (2001) bahawa apabila guru merasakan seolah-olah pengajaran mereka lebih berkesan, itu sudah membawa kepada pengajaran yang lebih baik dan meningkatkan pembelajaran murid.

Hubungan Antara Amalan *Lesson Study* Dengan Keberkesanan Pengajaran Guru

Berdasarkan jadual bagi dapatan mengenai keberkesanan pengajaran guru dalam bahagian dapatan kajian, jelas menunjukkan tahap keberkesanan pengajaran mempunyai hubungan yang signifikan ($r = .77, p < .01$) dengan amalan *Lesson Study*. Dapatan ini menunjukkan bahawa apabila guru-guru mengamalkan *Lesson Study* dalam pengajaran dan pembelajaran mereka, keberkesanan pengajaran akan turut meningkat. Pengkaji dapat membuktikan kajian yang dijalankan oleh Muzirah (2013) dari sepuluh buah sekolah menengah yang terpilih di daerah Klang bahawa amalan *Lesson Study* dengan keberkesanan pengajaran guru mempunyai hubungan yang signifikan dan positif. Ini jelas membuktikan bahawa guru-guru mengamalkan *Lesson Study* dalam pengajaran akan meningkatkan keberkesanan pengajaran mereka.

Natijahnya, amalan *Lesson Study* sangat membantu guru melihat pembelajaran murid berlaku secara terperinci dan lebih mendalam. Guru-guru bekerjasama untuk merancang pembelajaran yang lebih baik yang boleh dipadankan dengan keperluan murid. Hasilnya keberkesanan pengajaran akan meningkat dan menyebabkan tahap profesionalisma guru turut memberi kesan yang positif.

Amalan *Lesson Study* dapat dicapai oleh mana-mana guru dan boleh diulangi. Apabila amalan guru diperhatikan oleh seorang guru lagi, maka kecenderungan untuk berlaku dalam konteks beberapa bentuk penilaian atau penghakiman prestasi akan muncul. Oleh itu, guru-guru lain akan bertambah yakin ketika menyampaikan pengajaran di dalam bilik darjah sendiri.

IMPLIKASI KAJIAN

Sebagai amalan budaya anjakan paradigma pendidikan keberkesanan pengajaran guru di Malaysia, amalan seperti *Lesson Study* mungkin akan menjadi lebih layak untuk dilaksanakan. Dengan kesedaran yang semakin meningkat dan pengiktirafan nilai ditambah apabila guru mempunyai peluang untuk bekerja bersama-sama dalam merancang pengajaran, menilai hasil kerja murid, meneroka kurikulum dan memikirkan kembali amalan pengajaran berkaitan dengan pembelajaran murid. Dengan itu, transformasi perlu berlaku di dalam takwim sekolah yang membenarkan masa untuk guru bekerjasama seperti yang telah dilakukan oleh sekolah kajian pengkaji yang telah memasukkan program KPP di dalam jadual waktu guru. Transformasi ini akan menyebabkan guru-guru secara beransur-ansur menghabiskan lebih banyak masa untuk kerja bersama-sama.

Lesson Study boleh dijadikan sebagai model ideal untuk membantu memudahkan kerjasama guru. Proses *Lesson Study* menyediakan rangka kerja sebagai panduan kerjasama dalam kalangan guru-guru serta menyediakan banyak peluang kepada guru untuk menerajui dalam menentukan hala tuju kerja mereka. Amalan *Lesson Study* memerlukan anjakan dalam pemikiran, bukan sahaja memberi tumpuan semata-mata kepada menyampaikan kandungan, malah memberi tumpuan bagaimana murid akan berinteraksi dengan kandungan pelajaran dan bagaimana pembelajaran akan berlaku. Guru juga perlu menjadi murid dalam proses mengenal pasti salah konsep mereka sendiri dan meneroka kaedah pengajaran yang baharu untuk memenuhi keperluan pembelajaran murid. Dalam kajian ini menunjukkan bahawa dengan bekerja bersama-sama serta mengaplikasikan *Lesson Study*, kemahiran mengajar guru menjadi lebih kukuh, lebih sedar dengan keperluan pembelajaran murid, dan membina strategi yang berkesan. Dengan peningkatan keberkesanan pengajaran, guru lebih cenderung untuk bekerja lebih keras bagi terus memperbaiki amalan mereka dan akan mungkin menjadi lebih berdaya tahan kepada kemunduran (Bandura, 2000).

KESIMPULAN

Akhir sekali, dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan *Lesson Study* dapat dijadikan sebagai salah satu strategi bagi membangunkan pendekatan pengajaran yang inovatif, untuk penambahbaikan kurikulum, untuk berkongsi pendekatan pengajaran yang terbaik, untuk membangunkan prestasi guru, untuk membangunkan kebolehan murid dan untuk membangunkan teori-teori praktikal pendidikan. Guru-guru perlu memainkan peranan penting dalam menghasilkan PdPc yang berkesan supaya dapat melahirkan golongan murid yang berkualiti. Dengan ini, guru-guru dapat berkongsi pengalaman melalui pelaksanaan *Lesson Study* supaya dapat meningkatkan tahap pengetahuan pedagogi seperti dibincangkan di atas. *Lesson Study* berpotensi untuk memacu penambahbaikan yang terarah dalam pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya meningkatkan hasil keputusan murid. Maka, keberkesanan pengajaran guru akan meningkat dengan amalan *Lesson Study* ini.

RUJUKAN

- Bandura, A. (1993). Perceived self-efficacy in cognitive development and functioning. [Electronic version]. *Educational Psychologist*, 28(2), 117-148.
- Bandura, A. (2000). *Cultivate self-efficacy for personal and organizational effectiveness*. In E. A. Locke (Ed.), *Handbook of principles of organization behavior* (pp. 120-136). Oxford, UK: Blackwell.
- Bozkurt, E. & Yetkin-Özdemir, I. E. (2018). Middle school mathematics teachers' reflection activities in the context of lesson study. *International Journal of Instruction*, 11(1), 379- 394. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1165194.pdf>
- Boz, Y. & Belge-Can, H., (2020). Do pre-service chemistry teachers' collective pedagogical content knowledge regarding solubility concepts enhance after participating in a microteaching lesson study? *Science Education International*, 31(1), 29-40. DOI: <https://doi.org/10.33828/sei.v31.i1.4>.
- Brodie, K. (2014). Learning About Learner Errors in Professional Learning Communities. *Education: Studies for Mathematics*. 85, 221-239.

- Chokshi, S., & Fernandez, C. (2004). Challenges to Importing Japanese Lesson Study: Concerns, misconceptions, and nuances. *Phi Delta Kappan*, 85(7), 520-525.
- Christina, Lee, Christine, Saito, Eisuke, Syed Haron, Sharifa (2011). Taking stock of Lesson Study as a platform for teacher development in Singapore. *Asia-Pacific Journal of Teacher Education*. 39. DOI:10.1080/1359866X.2011.614683
- Julie Ann Van Sickle. (2011). Lesson Study's Impacts on teacher perception of efficacy in teaching. A Thesis Presented to The Faculty of Humboldt State University
- Kathryn McSweeney & John Gardner. (2018). Lesson Study Matters in Ireland. Rural Environment. Education. *Personality*. 11.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lewis, C. (2000). *Lesson Study: The core of Japanese professional development. Invited address to the Special Interest Group on Research in Mathematics Education*. American Educational Research Association Meetings. New Orleans. Session 47.09.
- Lucenario, J. L. S., Yangco, R. T., Punzalan, A. E., Espinosa, A. A. (2016). Pedagogical content knowledge-guided lesson study: effects on teacher competence and students' achievement in Chemistry. *Education Research International*. <https://doi.org/10.1155/2016/6068930>.
- Ma'rufi & Ilyas, M. (2019). Pedagogical content knowledge (PCK) among mathematics teachers on function materials through lesson study in junior high school. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 9(1), 135- 156. <http://repository.uncp.ac.id/id/eprint/4>.
- Mazlan, R. (2017). Tahap pengetahuan, pemahaman dan kesediaan guru bahasa melayu dalam melaksanakan kajian pengajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM)*, 7(2), 30-40. <https://bit.ly/3hDOIB0>.
- Mohammed Sani, I. (2017). Peranan guru kanan mata pelajaran dalam mempertingkatkan kualiti pengajaran guru-guru. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(1), 28-41.
- Nuha, M. Z., Waluya, S. B., & Junaedi, I. (2018). Mathematical creative process Wallas Model in students problem posing with lesson study approach. *International Journal of Instruction*, 11(2), 527-538. DOI: <https://doi.org/10.12973/iji.2018.11236a>
- Ogegbo, A. A., Gaigher, E., & Salagaram, T. (2019). Benefits and challenges of lesson study: a case of teaching physical sciences in South Africa. *South Africa Journal of Education*, 39(1), 1-9. DOI: <https://doi.org/10.15700/saje.v39n1a1680> .
- Othman, N. & Omar, H. M. (2014). Beban tugas dan motivasi pengajaran guru di sekolah menengah daerah Ranau. *Jurnal Pemikir Pendidikan (Journal for Educational Thinkers)*, 5, 35-37. <https://bit.ly/3ossEL7>.
- Ozdemir, M. S. (2019). Implementation of The Lesson Study As A Tool To Improve Students' Learning And Professional Development Of Teachers. *Participatory Educational Research (PER)*, 6 (1), 36-53. DOI: <http://dx.doi.org/10.17275/per.19.4.6.1>.
- Richit, A. (2020). Estudos de aula na perspectiva de professores formadores [Lesson study from the perspective of teacher educators]. *Revista Brasileira de Educação*, 25(2), 1-24. <https://doi.org/10.1590/s1413-24782020250044>.
- Richit, A., & Ponte, J. P. (2019). A colaboração profissional em estudos de aula na perspectiva de professores participantes [Professional collaboration in lesson study from the perspective of participating teachers]. *BOLEMA*, 33(64), 937-962. <https://doi.org/10.1590/1980-4415v33n64a24>.

- Richit, A., & Ponte, J. P. (2020). Conhecimentos profissionais evidenciados em estudos de aula na perspectiva de professores participantes [Professional knowledge evidenced in lesson study from the perspective of participating teachers]. *Educação em Revista*, 36(59), 1-29. <https://doi.org/10.1590/0102-4698190699>.
- Richit, A., & Tomkelski, M. L. (2020). Aprendizagens profissionais de professores de matemática do ensino médio no contexto dos estudos de aula [Professional learning of high school mathematics teachers in the context of lesson study]. *Acta Scientiae, Revista de Ensino de Ciências e Matemática*, 22(3), 2-27.
- Richit, A., Ponte, J., & Tomkelski, M. (2019). Estudos de aula na formação de professores de matemática do ensino médio [Lesson study in the formation of high school mathematics teachers]. *Revista Brasileira Estudos Pedagógicos*, 100(254), 54-81. <https://doi.org/10.24109/2176-6681.rbep.100i254.3961>.
- Riggs, I., & Enochs, L. (1990). Toward the development of an elementary teacher's science teaching efficacy belief instrument. *Science Education*, 74, 625-638.
- Stigler, J. W.; Hiebert, J. (2016). Lesson Study, improvement, and the importing of cultural routines. *ZDM - Mathematics Education, Germany*, 48, p. 581-587. <https://doi.org/10.1007/s11858-016-0787-7> <https://doi.org/https://doi.org/10.1007/s11858-016-0787-7>.
- Tschannen-Moran, M. (2011). Exploring literacy teachers' self-efficacy beliefs: Potential sources at play. *Teacher and Teacher Education*, 27(4). 751-761.
- Rohani, A., Hazri, J. & Nordin, A.R. (2010). Hubungan guru-pelajar dan kaitannya dengan komitmen belajar pelajar: Adakah guru berkualiti menghasilkan perbezaan pembelajaran antara jantungina pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 2, 61-69.
- Sucheera, (2018). Professional Learning Community of Teachers: A Hypothesis Model Development. *International Academic Research Conference in Vienna*. 26(5), 209-219.